

24 APR 2004

MAHATHIR-ASIA

NEGARA-NEGARA ASIA MESTI TIMBANG WUJUD MATA WANG ASIA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru negara-negara Asia supaya menimbangkan untuk mempunyai mata wang perdagangan khas bagi Asia.

Katanya, ini disebabkan negara-negara miskin, khususnya di Asia yang menyimpan rezab masing-masing di dalam dollar AS akan mengalami kerugian sama ada apabila dollar AS diturun nilai atau dollar AS dinilai semula berbanding mata wang masing-masing.

Keadaan ini berlaku kerana hari ini negara-negara di dunia, khususnya di Asia menggunakan dollar AS dan menilai mata wang masing-masing berbanding dollar AS, katanya di Persidangan Tahunan 2004 Boao yang diadakan di Wilayah Hainan, China. Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Menurutnya, dollar AS kini telah diturun nilai dengan teruk, telah diturun nilai 40 peratus berbanding Euro dan menjadi kurang sedikit berbanding yen.

"Ini bermakna penjualan di dalam dollar AS menghasilkan kurang wang daripada nilai sebenar produk kita. Ada kemungkinan dollar AS akan naik semula, walaupun tidak dijangka di dalam masa depan terdekat," katanya, sambil bertanya adakah ekonomi Asia sepatutnya terikat dengan ketidaktentuan dollar AS.

Menurutnya, apabila mata wang-mata wang Asia turun berbanding dollar AS ketika Krisis Kewangan Asia, mereka menghadapi kemelesetan ekonomi yang serius.

Tetapi kini apabila dollar AS diturun nilai berbanding mata wang lain, Amerika Syarikat mengalami pertumbuhan ekonomi, katanya.

Beliau berkata, penurunan nilai AS memberi kesan kepada ekonomi dan kewangan AS tidak sekali-sekali kerana pembayuaran bagi mendapatkan barangan dan hutang di dalam dollar AS, malah barangan AS menjadi lebih murah.

"Negara-negara miskin berkenaan menyimpan rezab mereka di dalam dollar

AS dan mereka mengalami kerugian apabila dollar AS diturun nilai dan mereka mengalami kerugian apabila dollar AS dinilai semula berbanding mata wang masing-masing.

Menurutnya, pembukaan negara-negara Asia dan lain-lain mendedahkan mereka kepada kerugian walau apapun yang berlaku kepada dollar AS.

"Kini tiba masanya kita menimbangkan untuk mempunyai mata wang perdagangan khas bagi Asia, jika tidak bagi seluruh dunia," katanya.

Selain itu beliau berkata, negara-negara Asia mesti menghapuskan perbezaan masing-masing dan bersatu bagi mendapatkan keadaan menang-menang.

Dr Mahathir berkata, masalah negara-negara miskin di Asia perlu diberi perhatian oleh negara yang lebih berjaya di forum-forum untuk negara-negara

Asia sahaja dan masalah mereka perlu dibawa bersama di forum-forum antarabangsa, khususnya di Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Seperti yang kita ketahui, banyak negara miskin itu tidakpun menjadi

ahli WTO. Negara-negara Asia yang menjadi anggota mesti memperjuangkan masalah mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika negara-negara Asia bercakap dengan setengah persamaan yang disatukan, barulah mereka layak untuk bercakap mengenai formula menang-menang bagi Asia.

Menurutnya, negara-negara Asia khususnya anggota WTO tidak boleh mendakwa bekerja demi kepentingan Asia jika mereka mempromosikan kepentingan negara masing-masing atau hanya kepentingan rantau masing-masing.

"Sebagai contoh, adalah tidak mencukupi jika anggota WTO dari Asia itu

bercakap hanya bagi pihak diri sendiri, yang di dalam hatinya hanya mempunyai kepentingan diri sendiri."

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa penggunaan kekerasan termasuk sekatan ekonomi tidak boleh dijadikan pilihan bagi memastikan sesetengah

negara patuh, kerana sesetengah negara akan mengambil masa untuk menyesuaikan diri dan mematuhi apa yang digelar idea universal mengenai

dagangan bebas, tadbir urus baik dan ketelusan.

Selain itu, beliau berkata, mana-mana negara yang telah cukup maju

untuk memainkan peranan demi kepentingan Asia secara keseluruhannya hendaklah tidak merasa segan untuk bercakap bagi pihak negara yang tidak

diwakili bagi memastikan hak mereka sejak dari mula agar tidak berlaku

pemesongan yang tidak adil.

"Jika matlamat kita adalah untuk mencapai hasil menang-menang bagi Asia, kita mesti memastikan bahawa negara Asia yang miskin juga mendapat faedah daripada usaha kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Asia janganlah bersikap tertutup dan mestilah bersedia untuk berdagang dan melabur dan seterusnya menerima pelaburan asing. Tetapi di dalam masa yang sama, mereka mestilah menyelesaikan masalah ketidakupayaan untuk bercakap dengan satu suara.

Negarawan yang kebiasaannya menyuarakan perkara yang kontroversi berkata rakyat Asia adalah sangat berbeza di segi etnik, budaya dan di segi pelbagai peringkat pembangunan, di mana sesetengahnya maju dan canggih manakala banyak yang miskin dan mundur.

"Perdagangan hendaklah adil, semestinya memberikan hasil menang-menang, hendaklah memperkayakan semua peserta. Jika Asia hendak mengelakkan kerugian sekali lagi, jadi Asia hendaklah memainkan peranan, di dalam membentuk sifat perdagangan dunia di masa hadapan," katanya.

Menurutnya, cadangan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bertujuan menyatukan negara-negara di Asia Timur Laut dan Asia Tenggara di tengah-tengah kepentingan bersama di dalam perdagangan dan kemajuan ekonomi.

Dengan itu, beliau berkata, EAEG ialah sebuah kumpulan yang baik bagi mewakili Asia di dalam membentuk perdagangan dunia dan dasar-dasar antarabangsa sekarang ini.

Dr Mahathir berkata, negara-negara seperti Malaysia dan Singapura sentiasa terbuka kepada perdagangan dunia dan pelaburan dan jelas mereka makmur disebabkan itu.

Bagaimanapun, beliau berkata, sambil mengalakkan pelaburan asing, negara-negara sepatutnya dibenarkan mengekalkan apa sahaja kelebihan boleh berdaya saing yang dimiliki masing-masing sambil melindungi industri masing-masing yang masih mentah.

Beliau percaya bahawa pelaburan juga perlu dikawal selia dan industri-industri milik tempatan tidak boleh ditutup disebabkan pelaburan asing.

-- BERNAMA
WNZ OS AHM